

KHATAM AL-QURAN DI BULAN RAMADHAN

Membaca al-Quran merupakan ibadah yang besar ganjarannya di sisi Allah Subhanahu wata'ala lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan. Allah Subhanahu wata'ala menjelaskan bahawa membaca al-Quran adalah sebuah perniagaan yang tidak akan rugi sepermulaan firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يَتَلَوُنَ كِتْبَ اللَّهِ وَأَقْامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَعُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجْرَةً لَنْ تُبُوزَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan solat serta membelanjakan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka secara sembunyi atau terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan perdagangan yang tidak akan mengalami kerugian.”

(Surah Fatir 35:29)

Al-Quran juga merupakan panduan dan peringatan dalam kehidupan kita di dunia ini. Firman Allah Subhanahu wata'ala lagi:

وَلَقَدْ يَسَّرَنَا الْقُرْءَانُ لِلذِّكْرِ فَهُلْ مِنْ مُذَكَّرٍ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah orang yang mau mengambil pengajaran (daripadanya)?”

(Surah al-Qamar 54:17)

JABATAN MUFTI SARAWAK

Rebutlah peluang untuk meraih sebanyak-banyak ganjaran dengan mendampingi al-Quran pada bulan Ramadhan. Allah Subhanahu wata'ala berfirman:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya: “(Diwajibkan kamu berpuasa pada) bulan Ramadhan, bulan yang padanya diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan mengenai petunjuk itu dan (menjelaskan) perbezaan (antara yang hak dan batil).

(Surah al-Baqarah 2:185)

Selain itu terdapat banyak hadis yang menerangkan tentang kelebihan al-Quran dan mempelajarinya, antaranya ialah:

i. **Mendapat 10 kebaikan untuk setiap satu huruf**

Daripada Abdullah bin Mas'ud *Radhiallahu 'anhu*, bahawa Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِّنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا ، لَا أَقُولُ الْحَرْفَ ، وَلَكِنْ

أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca satu huruf di dalam al-Quran maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan itu digandakan menjadi sepuluh kebaikan yang semisal dengannya. Aku tidak mengatakan Alif Laam Miim (اْلم) satu huruf akan tetapi Alif satu huruf, Laam satu huruf dan Miim satu huruf”.

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 2910)

ii. **Menjadi syafaat pada hari kiamat**

Daripada Abu Umamah *Radhiallahu 'anhu*, aku mendengar Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يُأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya: “Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya”.

(Hadis Riwayat Muslim, no. 804)

iii. Mengamalkan sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

Pada bulan Ramadhan amal soleh diberikan ganjaran berlipat ganda dan memperbanyak membaca al-Quran pada bulan Ramadhan juga merupakan sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Ibnu Abbas *Radhiallahu 'anhu* berkata:

“Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah orang yang paling pemurah, dan beliau paling pemurah di bulan Ramadhan. Ketika Jibril menemuinya untuk membacakan al-Quran kepada baginda setiap malam di bulan Ramadhan, lalu baginda memperdengarkan bacaan al-Quran kepadanya...”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 1902)

iv. Mendapat ketenangan

Daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, bahawa Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

...وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِّنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَّلَتْ عَلَيْهِمِ السَّكِينَةُ، وَغَشِّيَّتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ، وَمَنْ بَطَّأَ

عَمَلَهُ، لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسْبَهُ

Maksudnya: "...dan tidaklah satu kaum itu berkumpul di rumah-rumah Allah (masjid) sambil membaca al-Quran dan mempelajarinya sesama mereka melainkan turunnya ketenangan kepada mereka, diliputi oleh rahmat Allah serta malaikat mengerumuninya dan Allah menjadikan makhluk-makhluk yang berada di sisi-Nya menyebut-nyebut mereka. Dan sesiapa yang amalnya perlahan, maka nasabnya tidak dapat mengangkat darjatnya itu".

(Riwayat Muslim, no. 2699)

Kita boleh merancang untuk khatam di bulan Ramadhan. Sebagai contoh kita boleh membaca al-Quran sebanyak 4 muka surat pada setiap kali waktu solat fardhu bagi membolehkan kita khatam membaca al-Quran sekali dalam tempoh sebulan. Ia boleh digandakan jika hendak khatam sebanyak 2 atau 3 kali dalam sebulan seperti jadual di bawah:

KHATAM BACA AL-QURAN PADA WAKTU:					
	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1 KALI	4	4	4	4	4
	MUKA	MUKA	MUKA	MUKA	MUKA
	SURAT	SURAT	SURAT	SURAT	SURAT
2 KALI	8	8	8	8	8
	MUKA	MUKA	MUKA	MUKA	MUKA
	SURAT	SURAT	SURAT	SURAT	SURAT
3 KALI	12	12	12	12	12
	MUKA	MUKA	MUKA	MUKA	MUKA
	SURAT	SURAT	SURAT	SURAT	SURAT

Al-Quran bukan sekadar dibaca, tetapi kita juga dituntut agar membacanya secara tartil dan mengikut hukum tajwid, menghayati serta mengamalkannya dalam kehidupan. Ramadhan adalah peluang terbaik untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui al-Quran.

Semoga usaha kita untuk melazimi mentadabbur al-Quran di bulan Ramadhan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu wata'ala dan mampu melaksanakannya dengan istiqamah sepanjang hidup kita.

Wallahu 'alam.